

Semua Pembekal  
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UKM**

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, kerajaan melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2024 – “Strategi Pelaksanaan Menghindari Plastik Sekali Guna” telah menetapkan komitmen untuk mengurangkan penggunaan bahan plastik sekali guna dalam semua urusan kerajaan. Pekeliling ini menekankan pelaksanaan amalan mesra alam (*green practices*) dalam aktiviti perolehan, termasuk pembekalan makanan dan minuman.

3. Sehubungan itu, sebagai usaha dan inisiatif pelestarian plastik bagi menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna (*single use plastic – SUP*) yang memberi kesan kepada alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negara, YBhg. Prof/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang terlibat dalam pembekalan makanan dan minuman di semua kafetaria HCTM semasa mesyuarat, majlis rasmi serta apa-apa program hendaklah memastikan perkara-perkara berikut :-

- i. Menggantikan botol plastik dengan botol kaca atau menyediakan jag air;
- ii. Menggantikan pembalut plastik di piring/ pinggan/ mangkuk dengan penutup makanan yang boleh diguna semula;
- iii. Tidak menyediakan pinggan/ piring/ mangkuk/ cawan/ kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik; dan
- iv. Menyediakan *water dispenser* untuk kemudahan isian semula.

4. Langkah ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan ke arah pelaksanaan amalan hijau dalam semua sektor. Pelaksanaan ini akan berkuatkuasa sepenuhnya **01 Januari 2026**. Kerjasama dan komitmen pihak YBhg. Prof/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam melaksanakan langkah-langkah tersebut amat dihargai bagi menyokong usaha bersama ke arah kelestarian alam sekitar.



**BAHAGIAN BAYARAN, JABATAN KEWANGAN**  
**HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur  
Tel.: +603-9145 9290 / 5239 E-mel: ubp@hctm.ukm.edu.my Web: <https://hctm.ukm.my/kewangan/>

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**WAN OMI BINTI HJ. WAN YUSSOP C.A (M)**

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

- s.k - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Hanafiah bin Haruna Rashid**  
Pro Naib Canselor, Kampus Kuala Lumpur
- **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Baharudin**  
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



**BAHAGIAN BAYARAN, JABATAN KEWANGAN**  
**HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur  
Tel.: +603-9145 9290 / 5239 E-mel: ubp@hctm.ukm.edu.my Web: <https://hctm.ukm.my/kewangan/>